

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR
[SILAM]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 95/02

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fungsi dan peranan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) dan *Civil Defense Emergency Response Team* (CDERT) dalam menguruskan masalah bencana. Apakah agensi ini mempunyai kelengkapan aset dan kemahiran dalam berdepan masalah bencana.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 29 Julai 2015 telah bersetuju supaya fungsi pengurusan bencana dikeluarkan daripada fungsi Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM). Susulan itu, pada 26 Ogos 2015, Jemaah Menteri telah bersetuju terhadap cadangan penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA- National Disaster Management Agency) di bawah JPM selain bersetuju kepada perubahan dalam mekanisme pengurusan bencana negara.

NADMA ditubuhkan bagi memperkemaskan struktur pengurusan bencana negara serta mewujudkan sinergi antara agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana termasuk agensi tindak balas. Agensi ini seterusnya mengambil alih peranan MKN, JPM sebagai agensi peneraju (*National Focal Point*) dalam pengurusan bencana negara di peringkat ASEAN, rantau Asia dan antarabangsa.

Selari dengan transformasi pengurusan bencana Negara, mekanisme pengurusan bencana telah diperkemaskan di mana Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) telah dilantik sebagai sekretariat danurus setia bagi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana di peringkat pentadbiran Negeri, Daerah dan menjadi peneraju di peringkat komuniti. Penglibatan JPAM sebagai *first responder* di peringkat komuniti akan mengurangkan masa tindak balas apabila menghadapi bencana. JPAM turut dipertanggungjawabkan untuk menerajui penubuhan Pasukan Tindakbalas Kecemasan Pertahanan Awam atau *Civil Defense Emergency Response Team (CDERT)* bersama organisasi seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Kawasan Rukun Tetangga (KRT) atau yang setara bagi menyokong jentera pengurusan dan bantuan bencana kepada masyarakat setempat.

Tuan Yang Dipertua,

Dengan tertubuhnya NADMA ini, agenda pengurusan bencana dilihat akan lebih diperkukuh dan dimantapkan khususnya pada mekanisme pengurusan bencana negara. Ini kerana jabatan yang baru ini dapat memberi fokus khusus kepada pengurusan bencana yang bukan hanya melibatkan fasa tindak balas bencana malahan fasa pencegahan dan peredaan, kesiapsiagaan serta pemulihan bencana.

Walaupun terdapat perubahan pada dasar dan mekanisme pengurusan bencana, prinsip Arahan MKN No.20 masih akan terus diguna pakai khususnya pada fasa tindak balas untuk tujuan penyelarasan dalam fasa tindak balas selain agensi-agensi terbabit perlu mematuhi satu SOP tindak balas bersepadu (*unified command*) di bawah seliaan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana di peringkat negeri dan daerah. Peranan agensi penyelamat serta agensi bantuan dan pemulihan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kesihatan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) masih kekal sepertimana sebelum ini.

Susulan dengan perubahan ini juga, NADMA akan menggubal satu akta atau arahan eksekutif yang baru bagi memberikan punca kuasa perundangan kepada Agensi tersebut dalam melaksanakan fungsinya bagi menggantikan Arahan MKN No. 20.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai pecahan perbelanjaan, agihan mengikut agensi, dan agihan anggota dalam peratus dalam sektor keselamatan (pertahanan dan polis) mengikut negeri Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri Semenanjung dari Rancangan Malaysia Pertama hingga Kesebelas.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan untuk sektor keselamatan sejak tempoh Rancangan Malaysia Pertama (RMKe-1) hingga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11 - 2016) adalah sebanyak RM111.8 bilion.

Jadual 1 : Agihan Peruntukan Pembangunan Sektor Keselamatan mengikut Rancangan Malaysia Lima Tahun

| Rancangan Malaysia | Peruntukan (RM' bilion) |
|---------------------------|--------------------------------|
| Pertama | 0.7 |
| Kedua | 1.1 |
| Ketiga | 3.7 |
| Keempat | 7.7 |
| Kelima | 3.0 |
| Keenam | 10.4 |
| Ketujuh | 11.5 |
| Kelapan | 22.0 |
| Kesembilan | 25.2 |
| Kesepuluh | 21.3 |
| Kesebelas (2016)* | 5.2 |
| JUMLAH | 111.8 |

* Peruntukan RMKe-11 adalah untuk tahun 2016 sahaja

Agihan peruntukan mengikut negeri dan agensi dari RMKe-1 sehingga RMKe-7 tidak dapat disediakan. Walau bagaimanapun, maklumat agihan peruntukan mengikut negeri dan agensi dari RMKe-8 hingga RMKe-11(2016) adalah seperti di **Jadual 2** dan **Jadual 3**.

Jadual 2: Peruntukan Pembangunan Di Bawah Sektor Keselamatan Bagi Semenanjung, Sabah, Sarawak Dan Pelbagai Negeri Dalam RMKe-8 Hingga RMKe-11(2016)

| Negeri | RMKe-8 (2001-2005) | RMKe-9 (2006-2010) | RMKe-10 (2011-2015) | RMKe-11 (2016)* | Jumlah (2001-2016) | Peratus |
|----------------------|-----------------------|-----------------------|------------------------|--------------------|-----------------------|--------------|
| | (RM' bilion) | | | | | (%) |
| Semenanjung Malaysia | 7.75 | 8.48 | 12.47 | 1.28 | 29.98 | 41 |
| Sabah | 0.83 | 1.15 | 1.04 | 0.26 | 3.28 | 4 |
| Sarawak | 0.45 | 0.72 | 0.82 | 0.14 | 2.13 | 3 |
| Pelbagai Negeri | 12.97 | 14.86 | 6.97 | 3.52 | 38.32 | 52 |
| JUMLAH | 22.0 | 25.2 | 21.3 | 5.2 | 73.7 | 100.0 |

* Peruntukan RMKe-11 adalah untuk tahun 2016 sahaja

Jadual 3 : Peruntukan Pembangunan Bagi Kementerian/Agensi Di Bawah Sektor Keselamatan, RMKe-8 hingga RMKe-10

| Kementerian/ Agensi | RMKe-8 (2001-2005) | RMKe-9 (2006-2010) | RMKe-10 (2011-2015) | RMKe-11 (2016) | Jumlah (2001-2016) | Peratus |
|--------------------------|-----------------------|-----------------------|------------------------|-------------------|-----------------------|------------|
| | (RM' bilion) | | | | | (%) |
| Kementerian Pertahanan | 17.3 | 16.24 | 15.2 | 3.88 | 52.62 | 71.4 |
| Kementerian Dalam Negeri | 4.6 | 6.91 | 3.7 | 0.84 | 16.05 | 21.8 |
| APMM | - | 1.86 | 1.6 | 0.43 | 3.89 | 5.3 |
| MKN | 0.1 | 0.2 | 0.5 | 0.006 | 0.806 | 1.1 |
| ESSCOM | - | - | 0.3 | 0.027 | 0.327 | 0.40 |
| JPAM** | | | | 0.03 | 0.03 | 0.04 |
| JUMLAH | 22.0 | 25.2 | 21.3 | 5.2 | 73.7 | 100 |

** JPAM dipindahkan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2016.